

# Ternak patin tidak lagi menguntungkan

UM 26/05/23 ml 33

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

utusannews@mediamulia.com.my

**TEMERLOH:** Penternakan ikan patin sangkar bukan lagi bidang menguntungkan kerana ramai penternak di daerah ini gulung tikar berikutan kerugian dihadapi sehingga RM50,000 seorang semusim.

Pengusaha ikan sangkar Sungai Semantan, Mohammad Khalil Abdul Wahab, 39, berkata, sebelum ini, jumlah kerugian tidak sebesar mana, namun sejak 2020, ia semakin meningkat dan membebankan penternak.

Katanya, kerugian itu disebabkan pelbagai faktor antaranya air sungai yang semakin cetek terutama sejak banjir 2020, banyak ikan mati mungkin disebabkan benih kurang berkualiti selain cuaca tidak menentu dan ancaman memerang.

Justeru, beliau berharap pihak berwajib turun padang melihat sendiri kesukaran dihadapi penternak ikan sangkar terutama di daerah ini selain membantu mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani masalah kekurangan bekalan ikan patin sangkar di negeri ini.

“Kerana mahu terus mengekalkan kualiti ikan patin



**PENGUSAHA** ikan patin sangkar juga terpaksa berdepan dengan masalah kenaikan harga makanan ikan dan barangan baik pulih sangkar seperti tali, jaring, pelampung dan besi.

sangkar yang begitu dikenali dalam kalangan peminat ikan ini, kami sebagai penternak tetap juga bertahan dalam industri ini, tambahan pula rata-rata penternak menjadikan ini sebagai sumber pendapatan utama mereka,” katanya di sini.

Mohammad Khalil berkata, kekurangan ikan patin sangkar

di pasaran akan menyebabkan peniaga terpaksa mengambil bekalan dari luar sekali gus menjejaskan kualiti ikan patin Temerloh.

“Bagi peminat tegar ikan patin Temerloh, mereka dapat bezakan rasa ikan patin Temerloh yang berbeza dengan rasa ikan dari tempat lain,” ujarnya.